



ULASAN PUISI

Penyakit itu adalah kita

Penyakit itu adalah kita yang matakepala dan matahati telahpun jadi buta dek tersilan oleh kekata puji memuji atau terlalu kuat ego diri sendiri.

Penyakit itu adalah kita yang perat dan mulut turut membisu kerana konon takut kalau berkata kita nanti dianggap apa hus...! diam-diam aja!!!

Penyakit itu adalah kita yang pelakon dan pengarah jadi tak tentu arah masing-masing mahu jadi juara dan tokoh panglima akhirnya terkubur keduanya

Penyakit itu adalah kita yang dengki dan iri hati masih bertakhta juga di lubuk hati sampai bila kita berterusan begini pandulah kami ya Rabbi!!!

Penyakit itu adalah kita yang rohani dan jasmani perlu dipacu sekuatnya untuk menegakkan kebenaran keluhuran dan keinsafan demi menuju jalan ALLAH!!!

*Berita Minggu,
11 Mei 1980.*

Ulasan mengenai sajak Mohd Taha Jamil;
Penyakit Itu Adalah Kita dan tersiar di akhbar Berita Minggu pada 24 Mac 1985.

Nizom mengulas sajak 'Penyakit Itu Adalah Kita' karya Mohd Taha Jamil

Manusia jadi pelakon

Penyakit itu adalah kita

DUNIA adalah pentas yang ramai-ramai pelakon-pelakonnya. Demikianlah pengertian kehidupan dari kaca mata penulis besar dunia yang tidak asing lagi; Shakespeare.

Kehidupan dijelmakan, digeraki dan dijiwai oleh manusia sendiri. Manusialah yang membina gerakan, memberikan warna dan menjelmakan muzik pada kehidupannya. Manusialah yang mengarahkan tindak-tanduknya menerusi hati dan pemikirannya lalu bertindak sebagai pengarah kepada kehidupannya sendiri.

Dunia ialah pentas dan manusia ialah pelakon-pelakonnya. Demikianlah pengertian kehidupan dari kaca mata penulis besar dunia yang tidak asing lagi; Shakespeare.

Kehidupan dijelmakan, digeraki dan dijiwai oleh manusia sendiri. Manusialah yang membina gerakan, memberikan warna dan menjelmakan muzik pada kehidupannya. Manusialah yang mengarahkan tindak-tanduknya menerusi hati dan pemikirannya lalu bertindak sebagai pengarah kepada kehidupannya sendiri.

Hasilnya tersalur kepada tindak-tanduknya yang digerakkan oleh tenaga fizikalnya iaitu bertindak sebagai pelakon kepada keidupannya sendiri. Kemudian, segala gerakan tadi akan melibatkan manusia-manusia lain sebagai tindak balas kepada gerakan yang dilakukannya.

Dunia pula ialah wadah, tempat manusia menggerakkan kehidupannya. Daripada tindak balas manusia itulah tercetus rasa suka, hiba, kecewa, rindu, meriah, sugul, puas, girang, marah dan sebagainya.

Namun demikian, kita amat percaya bahawa segala yang terjadi adalah penentuan Maha Kuasa. Kita amat yakin bahawa buruk dan baik datang daripada-Nya. Seperti yang pernah diucapkan bahawa segala penentuan itu telah bermula sejak kita dikurniakan nyawa atau pernafasan oleh Allah sewaktu kita masih dalam kandungan ibu lagi.

Kita menyedari bahawa manusia adalah makhluk ciptaan Tuhan yang amat tinggi darjatnya. Manusia dikurniakan hati dan otak yang berfungsi. Dengan hati, kita dapat merasa dan dengan otak, kita dapat berfikir. Jadi, manusia diberi penuh kesempatan untuk merasa dan berfikir. Manusia tentunya dapat merasakan sesuatu yang dikerjakan, ditanggung atau dilihat itu buruk, palsu, serakah, jelik atau baik, tulen, elok dan sebagainya. Segala ukuran itu tentunya bermula dan berkisar daripada tingkat pemikiran seseorang.

Kalau kita hayati kalimat, Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu, melainkan kaum itu sendiri mengubahnya, memperlihatkan betapa dalam diri seseorang atau kelompok bangsa itu tertitip suatu rasa tanggungjawab terhadap diri atau bangsanya sendiri. Jadi, segalanya terpulanglah kepada kita untuk meletakkan diri dan bangsa kita sendiri ke tempat yang sewajar-wajarnya.

Berlatarkan kehidupan semasa yang sedang kita tempuhi, kita diletakkan sebagai sekelompok masyarakat atau bangsa yang termundur jika dibandingkan dengan bangsa lain. Kita memikul terlalu banyak label atau penanda. Baik dalam apa-apa bidang sekalipun, kita berasa agak tertekan apabila masyarakat lain meraih segala macam kejayaan. Kita seolah-olah diseret ke dalam keadaan murung, kecewa, putus asa, kurang daya dan sebagainya, sedang hakikatnya kita tidak pernah mahu menyoal diri kita sendiri; mengapa segala itu datang dan sering menimpa dan menghempap kita.

Sebenarnya pada tangan, hati pemikiran dan keyakinan kitalah terletaknya segala ini. Tanpa tindak balas kita yang positif terhadap kehidupan semasa yang menjelma atau dijelmakan ke dalam lingkaran-lingkaran kita, maka selagi itulah kita akan terus diselimuti oleh rasa dongkol dan putus asa yang berpanjangan.

Begitulah selintas kesan yang berbangkit setelah membaca puisi 'Penyakit Itu Adalah Kita' karya Mohd Taha Jamil.

Kita tidak berasa perlu menyusur bait demi bait atau baris demi baris untuk menangkap maksudnya. Dengan sekali pembacaan sahaja, kita akan terus memaklumi apa-apa yang hendak diketengahkan oleh penyairnya. Pengucapan Mohd Taha Jamil begitu berteus terang, tanpa berlindung di sebalik perlambangan, metafora, simile atau bahasa yang figuratif.

Puisi 'Penyakit Itu Adalah Kita' meletakkan segala macam kekusutan, kekeliruan, kemunduran dan keluhan-keluhan masyarakat kita berpunca daripada sikap kita sendiri, sikap kita yang cekap leka oleh segala macam pujian, sikap kita yang sering berbangga-bangga kepada diri kita sendiri, sikap kita yang takut bertindak atau bersuara apabila melihat perancangan atau pembinaan sosial, ekonomi mahupun politik yang tidak menyebelahi kita. Sikap kita yang terus tamak, dengki dan iri hati sesama kita.

Jadi, mengikut penyair, segala-galanya terletak kepada diri kita sendiri. Kita perlu mengubah sikap bagi meletakkan kehidupan ke dalam suasana yang manis, mesra dan akrab. Kita harus bangun memperteguh sikap kita sendiri, kita harus berusaha meluhurkan rohani kita, kita harus berupaya memantapkan jasmani bagi memenuhi kehendak-kehendak kehidupan kontempori.

Kita janganlah terus berkeluh-kesah yang mendalam. Kita harus bangkit dan menemui kehidupan yang bererti pada rohani dan jasmani kita. Semoha semangat didaktik Mohd Taha Jamil menerusi Penyakit Itu Adalah Kita akan menyerap ke dalam lubuk hati kita.

Tamat.